

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(V)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

26. Sistem jalur lebar adalah keperluan semasa ketika ini, *Penang Free Wifi* diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi memudahkan rakyat mempunyai akses internet sekali gus membantu rakyat mendapat berita, maklumat dengan pantas serta memudahkan urusan sehari-hari seperti pekerjaan dan perniagaan.
- (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan keupayaan boleh capai dan kelajuan semaksimum mungkin?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Bagi tujuan mempertingkatkan lagi keupayaan boleh capai dan kelajuan maksimum *Penang Free Wifi*, Kerajaan Negeri telah menaik taraf kapisiti *throughput bandwidth* di 1560 Access Point (AP) yang telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang pada 16 Februari 2015 untuk memastikan pengguna mendapat akses liputan internet yang lancar. Setelah proses menaik taraf tersebut dijalankan, pengguna kini dapat mengakses internet pada kelajuan 3Mbps bagi kawasan warisan dan 1Mbps bagi kawasan-kawasan lain di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 1 Jun 2017 dan disahkan pada 7 Jun 2017 juga telah meluluskan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Perkhidmatan *Penang Free Wifi* Secara Penjenamaan Bersama

(*Co-Branding*) oleh syarikat telekomunikasi dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan ini dapat menggalakkan lebih banyak penyedia perkhidmatan talian telekomunikasi untuk menambah AP dan sekali gus dapat meningkatkan lagi kemudahan wi-fi percuma kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang.

**Commented [4]:** <!--<table><tbody>  
.....<tr>  
.....<td width="30%" height="20" valign="top" class="text-left">ID156/FARA</td>  
.....<td class="text-center" valign="top" align="center"><div id="pageFooter"></div></td>  
.....</tr>  
.....</tbody>  
.<!--&lt;table&gt;--&gt;</p>